



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PENOLONG PENGARAH (KUMPULAN 2)
PEJABAT PERANCANGAN TENAGA MANUSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PENGARAH
PEJABAT PERANCANGAN TENAGA MANUSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Data Analytics / Economics / Human Resource Management / Management / Mathematics / Pengurusan dan Pentadbiran* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah satu kelebihan.

DAN

2. a) Telah berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 8 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus '**Program Pembangunan Eksekutif**' di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Bahagian Pencapaian Strategik dan Penyelidikan yang merangkumi Unit Pencapaian Strategik, Unit Perangkaan dan Penyelidikan, dan Unit Korporat dan Pentadbiran;
2. Bertanggungjawab untuk membuat perancangan tenaga kerja dan menganalisa maklumat perbekalan dan permintaan tenaga kerja bagi merapatkan jurang dan ketidakserasian di antara jenis pekerjaan, pendidikan dan kemahiran serta untuk menilai kesesuaian bagi pembiayaan;
3. Bertanggungjawab terhadap hal ehwal antarabangsa termasuk yang berkaitan dengan tenaga manusia;
4. Membantu Pengarah dalam mengubal rancangan strategik dan *Key Performance Indicator (KPI)* bagi Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP);
5. Bekerjasama dan memperkukuhkan kolaborasi bersama pihak yang berkepentingan, terutamanya dalam mengenal pasti peluang pekerjaan yang akan datang;
6. Bertanggungjawab dalam menyediakan pelan strategik, *Key Performance Indicator (KPI)* dan *key actions* bagi Bahagian Pencapaian Strategik dan Penyelidikan; dan
7. Membantu Pengarah dalam penyusunan struktur organisasi pejabat, mengurus sumber tenaga manusia termasuk keperluan latihan-latihan dan kursus-kursus bagi meningkatkan kapasiti.